

Kerja fleksibel jadi pilihan: 10 isi utama laporan IPS

RAMAI pekerja kini mengatakan bahawa pengaturan kerja yang fleksibel sepatutnya menjadi norma baru bagi Singapura, dengan empat daripada 10 juga mengatakan bahawa pekerja harus dibenarkan bekerja dari rumah tiga hari seminggu.

Ini adalah antara hasil dapatan kertas kerja Institut Kajian Dasar (IPS) yang mengkaji sikap pekerja terhadap kerja dan pengaturan tempat kerja di tengah-tengah wabak koronavirus.

Berikut 10 isi utama laporan itu:

1. Pengaturan kerja yang fleksibel sepatutnya menjadi norma baru di tempat kerja di sini, menurut kira-kira separuh daripada responden tinjauan IPS itu.

2. Bekerja dari rumah pada kebanyakan hari sepatutnya dijadikan kebiasaan menurut sekitar 20 peratus hingga 35 peratus daripada mereka yang ditinjau. Baru-baru ini, sekitar empat daripada 10 juga merasakan pekerja harus dibenarkan bekerja

dari rumah tiga hari seminggu.

3. Kebanyakan wanita yang ditinjau juga mahukan pengaturan yang fleksibel, dengan 73 peratus mengatakan pengaturan itu sepatutnya menjadi norma baru, terutamanya mereka yang mempunyai tanggungan seperti anak kecil ataupun menjaga orang tua.

4. Hampir separuh daripada responden menyatakan majikan harus membenarkan pekerja memilih hari yang mereka rasakan lebih sesuai kembali ke pejabat.

5. Beberapa responden menyatakan mereka akan mempertimbang mencari pekerjaan lain jika majikan mereka memerlukan mereka agar kembali ke pejabat pada kebanyakan hari.

6. Namun, beberapa pekerja juga menyatakan mereka lebih suka bekerja dari pejabat atas tiga sebab: (i) akses mudah kepada sistem teknologi, (ii) bekerjasama dengan rakan sekerja dan (iii) berada dalam

ruang yang sesuai untuk bekerja.

7. Ramai yang menyatakan bekerja dari rumah mempunyai tiga faedah: (i) pekerja merasakan mereka kurang berkemungkinan dijangkiti Covid-19, (ii) mempunyai fleksibiliti dalam mengimbangi kehidupan peribadi dan (iii) jadual kerja serta mampu memenuhi keperluan keluarga.

8. Kira-kira separuh daripada responden berkata mereka mempelajari kemahiran baru semasa wabak Covid-19 dan ia boleh membantu dalam kerjaya mereka.

9. Hampir separuh daripada mereka yang ditinjau menyatakan aspirasi kerja telah berubah akibat wabak Covid-19, dengan beberapa daripada mereka mempertimbang menukar kerjaya mereka.

10. Pekerja menyatakan mereka lebih cenderung mengambil langkah berjaga-jaga, seperti mengambil ujian, untuk mengurangkan risiko dijangkiti Covid-19 di tempat kerja.